



ISU PENCEMARAN AIR DI SUNGAI KIM KIM BERDASARKAN SARANAN AL-QURAN

Mohammad Shafiq Shamsuddin, Anwar Wajdi Rohaizad, Amirul Haiqal Ramzi, Mohamad Fikri Masruddin & Muhammad Faris Fahmi Jazam
Shafiqshamsuddin27@gmail.com

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin

ABSTRAK

Air merupakan antara makhluk Allah yang pertama diciptakan. Ia amat penting dalam kehidupan seharian manusia. Tambahan pula, peratusan air di bumi lebih banyak berbanding tanah. Namun disebabkan tangan manusia yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan berlakunya pencemaran air. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan isu pencemaran air di sungai Kim Kim, Johor. Pencemaran ini berlaku disebabkan pembuangan sisa kimia secara haram dan telah mengakibatkan terjejasnya kesihatan manusia di kawasan tersebut. Menurut al-Quran, manusia dipertanggungjawabkan untuk memelihara serta menghargai sumber air seperti yang telah disarankan di dalam Islam. **Objektif:** Untuk menganalisis isu pencemaran air di sungai Kim Kim berdasarkan saranan al-Quran. **Metodologi:** Kajian yang dilakukan dengan menganalisis maklumat dari sumber yang terdapat di dalam jurnal, artikel dan laman sesawang yang diperakui. **Dapatan:** Terdapat banyak saranan di dalam al-Quran tentang kepentingan air. Selain itu, pencemaran air merupakan suatu isu yang berat yang menunjukkan bahawa manusia itu tidak menjaga air. Disamping itu, saranan al-Quran supaya sentiasa menjaga air dan mengelak pencemaran. **Kesimpulan:** Masyarakat perlu merujuk kembali garis panduan yang telah dinyatakan di dalam al-Quran demi menjaga kesucian air.

Kata kunci: air, pencemaran, sungai Kim Kim, al-Quran, kimia

Pengenalan

Air merupakan salah satu anugerah Allah SWT yang tidak terhingga. Hal ini kerana, air merupakan satu rahmat yang diberi Allah SWT. Air juga digunakan bagi memastikan kelangsungan hidup manusia. Dalam al-Quran telah dinyatakan perkataan *ma'* sebanyak enam puluh tiga kali. *Ma'* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa arab yang bermaksud air. Antara ayat yang menceritakan tentang air adalah (surah al-Waqiah ayat 68),

أَفَرَأَيْتُمْ آلَ مَاءِ الَّذِي تَشْرَبُونَ

Maksudnya : Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum?

Ayat ini menunjukkan suruhan Allah SWT supaya manusia melihat akan kejadian air itu sendiri. Selain itu, terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa air merupakan asas utama bagi kehidupan manusia. Ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam (surah al-Anbiya' ayat 30),

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya : Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

Berdasarkan ayat di atas menunjukkan betapa pentingnya air pada manusia dan segala makhluk ciptaan Allah SWT. Namun pencemaran yang berlaku di sungai Kim Kim bertentangan dengan saranan Allah SWT dalam memelihara air dengan baik.

Pencemaran ini telah berlaku pada 7 Mac 2019 . Kejadian ini berpunca daripada aktiviti pembuangan sisa toksik daripada kilang-kilang yang tidak bertanggungjawab dan telah menyebabkan 2,775 orang terpaksa menerima rawatan susulan di hospital akibat kejadian tersebut (Bernama, 2019). Antara kesan yang disebabkan pencemaran sungai Kim Kim adalah loya, muntah-muntah dan pening. Selain itu, hidupan air dalam sungai ini turut terkesan dengan pencemaran ini. Sekiranya gas yang berkepekatan tinggi terdedah dalam satu atau dua hingga tiga jam ia akan boleh membawa maut (Hafizan Juahir, 2019).

Berdasarkan kajian lepas, menurut Mohd Yusof Hj. Abdullah, Latiffah Pawanteh, Sharifah Mastura, Syed Abdullah Normah Mustaffa yang bertajuk Kesedaran dan Sikap Komuniti dalam Pengurusan Persekitaran Di Wilayah Iskandar, Johor menceritakan tentang isu-isu alam sekitar serta kesedaran masyarakat tentang amalan penjagaan persekitaran. Namun kajian ini, tidak menyentuh tentang isu-isu berkaitan sungai Kim Kim.

Selain itu, kajian yang dibuat oleh Hafizan Juahir yang berjudul Pencemaran Sumber Air Di Malaysia: Isu Dan Implikasi lebih menfokuskan berkaitan dengan isu dan implikasi terhadap pencemaran air yang berlaku di Malaysia. Kajian ini juga telah menyebut

tentang isu yang telah berlaku di sungai Kim Kim. Namun, tidak dikaitkan dengan saranan penjagaan air berdasarkan al-Quran.

Objektif Kajian

- i) Untuk menganalisis isu pencemaran air di sungai kim kim berdasarkan saranan al-Quran

Metodologi Kajian

Kajian ini secara khususnya akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Oleh yang demikian, bagi mencapai objektif kajian ini. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan untuk mendapatkan maklumat iaitu kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Mengumpul daripada sumber-sumber berautoriti seperti artikel rasmi, tesis kajian lepas, pembentangan kertas kerja, jurnal, buku-buku serta laman sesawang.

Dapatan Kajian

Al-Quran telah memberikan saranan dan panduan terhadap manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Antara saranannya adalah untuk menjaga alam sekitar termasuklah menjaga kualiti air. Islam telah membahagikan kepada empat jenis air i) air mutlaq, ii) air musta'mal iii) air musyammas dan iv) air mutanajjis. Turutan air ini berdasarkan kepada yang paling bersih (mutlaq) kepada yang paling kotor (mutanajjis) (Hafizan Juahir, 2019). Islam telah meletakkan garis panduan bagi mencapai matlamat penjagaan air kepada manusia. Demi mencapai matlamat ini manusia mestilah mengikut saranan yang telah digariskan di dalam al-Quran. Antara matlamat yang ditetapkan oleh syarak adalah Maqasid al-Khalq iaitu matlamat penciptaan (Wan Mohd Yusof Wan Chik et al., t.th). Dalam matlamat ini, manusia dituntut untuk menjaga setiap ciptaan Allah SWT kerana penciptaan Allah SWT mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Manusia juga digalakkan untuk melihat dan berfikir akan setiap kejadian dan penciptaan Allah SWT. Terdapat pelbagai fungsi dan potensi air dalam kehidupan manusia. Antaranya, ia dijadikan sebagai sumber minuman, makanan dan alat untuk pembersih serta penyucian bagi makhluk. Pencemaran yang berlaku di sungai Kim Kim menyebabkan matlamat penciptaan air itu tidak tercapai. Semua tindakan ini telah mengganggu dan menjejaskan ekosistem air, ini akan menyebabkan terganggunya keseimbangan alam keseluruhannya.

Selain itu, Maqasid al-Tashrik iaitu Matlamat Perundangan (Wan Mohd Yusof Wan Chik et al., t.th). Dalam matlamat maqasid ini menampakkan keindahan syariat dan kaedahnya yang menjurus kepada kemaslahatan yang lima iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam membincangkan maqasid syariah dan perkaitannya dengan penggunaan dan pengurusan air berfungsi sebagai unsur yang amat penting dalam memastikan manusia dapat melakukan ibadah kepada Allah SWT dengan baik. Oleh itu, hukum yang berkaitan dengan penggunaan dan pengurusan air haruslah diiringi dengan tuntutan al-Quran.

Disamping itu, Maqasid al-Taklif iaitu Matlamat Pentaklifan (Wan Mohd Yusof Wan Chik et al., t.th). Dalam matlamat maqasid ini menampakkan tahap kemampuan manusia sebagai tanggungjawab dalam mejayakan maqasid al-Khalq dipandukan dengan syariat yang mempunyai matlamat yang tersendiri. Tujuan maqasid adalah untuk meraikan kemaslahatan terhadap mukallaf yang bertujuan untuk memudahkan atau menghilangkan kesukaran yang berlaku.

Perbincangan

Air merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam keseimbangan ekosistem bumi ini. Lebih dua pertiga daripada bentuk muka bumi ini terdiri daripada unsur air berbanding dengan tanah dan tumbuh-tumbuhan. Air juga merupakan nikmat yang dikurniakan Allah kepada hambanya dan ianya juga merupakan unsur yang terpenting untuk manusia meneruskan kelangsungan kehidupan di dunia. Islam juga menyuruh umatnya untuk bersyukur dengan nikmat air yang menjadi unsur utama dalam kehidupan kita.

Agama Islam juga menetapkan air sebagai alat kepada umatnya untuk melengkapkan rukun Islam itu sendiri. Seperti contoh mandi dan berwuduk merupakan syarat sah sempurnanya ibadah solat seseorang. Dalam fiqh, air merupakan bab yang awal dibincangkan dalam hukum fiqh iaitu dalam bab taharah (bersuci). Ini jelas menunjukkan bahawa air sangat berkait rapat dalam agama. Jadi kita perlu menjaga akan kesucian dan kebersihan air di dunia.

Pencemaran air di sungai Kim Kim bukanlah suatu yang baru. Masalah ini telah berlaku sejak sekian lama . Punca utama yang menyebabkan pencemaran sungai Kim Kim di Johor adalah hasil daripada pembuangan air sisa industri yang tidak dirawat dan pembuangan bahan-bahan kimia secara langsung ke dalam sungai oleh manusia yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar. Sebelum ini sungai tersebut telah pun tercemar, tetapi pada ketika itu ianya tidak berbahaya dan tidak mengancam nyawa. Jadi mereka hanya mengambil mudah terhadap pencemaran tersebut.

Pada tahun ini, 7 Mac 2019, rata-rata rakyat Malaysia mengenali sungai Kim Kim apabila Malaysia sekali lagi digemparkan dengan pencemaran air di Sungai Kim Kim, Johor. Akan tetapi, kali ini pencemaran tersebut mendatangkan masalah yang sangat besar kepada penduduk yang berhampiran dengannya. Hal ini dimana, sebanyak 111 buah sekolah terpaksa ditutup kerana kehadiran gas-gas beracun yang berpunca dari sisa-sisa toksik yang dibuang ke dalam sungai tersebut. Ini ekoran laporan mengenai seramai 103 orang pelajar dan penduduk sakit dan dimasukkan ke dalam hospital akibat terhidu gas beracun. Pelajar-pelajar berasa sesak nafas dan ada juga dikalangan mereka yang pengsan.

Pada 11 Mac 2019, bahan kimia di sungai Kim Kim bermula apabila gelombang kedua tindak balas gas beracun berlaku. Seramai 106 mangsa baru dikejarkan ke hospital dengan jumlah mangsa mencecah seramai 1000 orang selepas beberapa hari kemudian dan lapan orang daripadanya dimasukkan ke unit rawatan rapi.

Ini kerana, gas ini boleh menyerap ke dalam badan manusia melalui saluran pernafasan manusia dan juga kulit manusia. Beberapa gas beracun dihasilkan selepas reaksi air dan udara bersama bahan kimia tersebut.

Di dalam al-Quran Allah menyeru kepada kaum Nabi Salih A.S dan kepada kita semua umat Nabi Muhammad SAW untuk memakmurkan bumi ini seperti dalam Surah Hud ayat 61:

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا ۚ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۗ هُوَ أَنشَأَكُمْ مِّنَ

الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ ۗ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ

Maksudnya : Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".

Kita dituntut untuk menjaga keseimbangan ekosistem di bumi ini agar tidak berlaku sebarang masalah yang boleh menyebabkan bencana bagi kehidupan manusia. Semua pencemaran yang berlaku datangnya dari tangan manusia itu sendiri dimana mereka melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan seperti membuang sisa-sisa bahan kimia kedalam sungai sehingga menyebabkan kebinasaan terhadap hidupan air dalam sungai tersebut. Hal ini juga disebabkan sifat manusia yang suka ambil mudah dan tidak berfikir panjang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa berfikir tentang risiko yang akan mendatang.

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ

Maksudnya : Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 41 jelas mengatakan bahawa pencemaran yang berlaku di bumi ini disebabkan oleh tangan-tangan manusia dan perbuatan tersebut jelas mendatangkan kemurkaan Allah dan kesan terhadap pencemaran tersebut menjadi peringatan kepada manusia akan kesalahan yang telah dilakukan dan Allah SWT memberi peluang untuk kita bertaubat dan memulihara semula akan sungai yang tercemar itu.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ
النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ
وَتَصْرِيفِ الرِّيَّاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya : Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya air dalam kehidupan seharian manusia. Hal ini kerana, sungai juga merupakan sumber kepada seseorang untuk mencari rezeki dengan menangkap hidupan air untuk dijadikan makan atau untuk mendapatkan wang. Jadi kita perlu memelihara sungai kita agar tidak tercemar supaya kita boleh memanfaatkan kebersihan air sungai tersebut untuk kegunaan orang ramai.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah subjek Maqasid al-Syar'iah iaitu Dr Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik kerana memberi tunjuk ajar dalam melaksanakan kertas kerja ini. Disamping itu, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr Farah Syazrah Binti Mohd Ghazalli di atas bimbingan dan perkongsian ilmu mengenai format kertas kerja ini. Tidak ketinggalan juga ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan kerana telah banyak membantu dalam menyiapkan kertas kerja ini.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim.

Abdullah Mohamad Said, (1992). *Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar*. Selangor. Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd

Naser I. Faruqui, Asit K. Biswas, Murad J. Bino, (2006). *Pengurusan Air Dalam Islam*. Kuala Lumpur. MDC Publisher Sdn Bhd.

Zainariah Wahab. (1993). *Alam Sekitar Dan Kesihatan*. Petaling Jaya. Pan Earth Sdn. Bhd.

Hafizan Juahir (2019), *Pencemaran Sumber Air Di Malaysia: Isu Dan Implikasi*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Nerus

Juha I. Uitto, Asit K. Biswas. (2003). *Water For Urban Areas*. Kuala Lumpur. MCD Publisher Printers Sdn Bhd

Laman Sesawang Astro Awani. (2019). *Kronologi terkini pencemaran kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang*. <https://www.google.com.my/amp/www.astroawani.com/berita-malaysia/kronologi-terkini-pencemaran-kimia-di-sungai-kim-kim-pasir-gudang-201186%3Famp=1>

E. W. Bob Boulware. (2013). *Alternative water Sources And Wastewater Management*. United States. McGraw-Hill Companies

Paul L. Bishop. (2000). *Pollution Prevention: Fundamentals And Practice*. United States. McGraw-Hill Companies

W. Wesley Eckenfelder, Jr. (2000). *Industrial Water Pollution Control*. Singapore. McGraw-Hill Companies

I. G. Simmons. (1991). *Earth, Air And Water Resources And Environment In The Late 20th Century*. United Kingdom. Great Britain.

Khairul Azhar Meerangani, (2018), *Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syarak*, Melaka, Kolej Universiti Islam Melaka.

Nuruddin Bin Mokhtar Al-Khodimi, (2006), *Ilmu Maqasid Syari'iah*, Riyadh, Obekan Publishers & Booksellers.

Wahbah Al-Zuhaily, (1985), *Fiqhul al-Islami Waadilatuhu Juzuk Ketiga*, Damsyik, Darul Fikr.

Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, (2016), *Quality Of Life Maqasid Shariah Approach*, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Institut Kefahaman Islam Malaysia, (2017), *Menjaga Alam Sekitar Asas Keimanan*, <http://www.ikim.gov.my/index.php/2017/05/31/menjaga-alam-sekitar-asas-keimanan/>. (31 May 2017).